

# TENTANG KWSP

- ▶ 17 Visi, Misi dan Nilai Bersama
- 18 Menyusuri Jejak Kejayaan KWSP (1951-2021)
- 23 Struktur Korporat Kumpulan
- 24 Lokasi Operasi KWSP
- 27 Bagaimana KWSP Mencipta Nilai
- 28 Model Penciptaan Nilai KWSP



# VISI, MISI DAN NILAI BERSAMA



Ditubuhkan pada tahun 1951, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan antara dana persaraan yang tertua dan yang terbesar di dunia. KWSP telah melalui transformasi ketara sejak awal penubuhannya, sebahagian besarnya dipacu oleh visi KWSP untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

## VISI

**Membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik**

## MISI

**Melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan terbaik**

## NILAI BERSAMA



### Integriti

KWSP mengamalkan polisi toleransi sifar berhubung dengan pelanggaran integriti dan etika agar dapat mengekalkan tahap kepercayaan dan keyakinan yang tinggi dalam kalangan ahlinya.



### Utamakan Pelanggan

KWSP beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan yang pantas, tepat dan mudah secara konsisten kepada ahlinya, sama ada melalui kiosk, melalui telefon, secara bersemuka, urus niaga atas talian, e-mel atau surat.



### Penambahbaikan Berterusan

KWSP menggalakkan budaya yang berpaksikan prestasi dan memastikan kakitangannya sentiasa menjalani latihan serta meningkatkan kemahiran agar dapat bergerak seiring dengan perubahan pesat dalam persekitaran operasi yang menggunakan teknologi terkini bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.



### Semangat Kerja Berpasukan

KWSP memupuk budaya kerja berpasukan dengan menghapuskan pemikiran silo bagi mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan bertenaga.

# MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP (1951-2021)

## 1951

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951, dan diletakkan di bawah pentadbiran Pengarah Pos Kebangsaan.

## 1952

- Rangkaian KWSP berkembang dengan pendaftaran 518,948 ahli dan 11,918 majikan. Caruman dikutip berjumlah RM2.6 juta.



# 1951

## 1956

- KWSP telah melabur dalam pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, Singapura dan Majlis Tempatan.

## 1958

- Lembaga KWSP mengambil alih pentadbiran KWSP daripada Pengarah Pos Kebangsaan.



# 1960

## 1960

- Bangunan ibu pejabat di Petaling Jaya, Selangor dibuka dengan rasmi pada bulan November.

## 1961

- Tan Sri Dato' Abdul Jamil Abdul Rais, menjadi rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWSP.

## 1963

- Pindaan Ordinan KWSP mewajibkan majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pekerja untuk mencarum, berbanding lima atau lebih pekerja.

## 1967

- Pemrosesan data berautomasi diperkenalkan dengan pemasangan komputer kerangka utama.

## 1968

- Ordinan KWSP dipinda bagi membolehkan ahli yang berumur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga simpanannya untuk membeli rumah dan membuat persediaan untuk persaraan.

## 1969

- Liputan perlindungan KWSP diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

## 1970

- Saiz aset KWSP telah meningkat kepada RM2.1 bilion, dengan jumlah ahli hampir dua juta orang.



# 1970

## 1975

- Kadar caruman telah dinaikkan kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan. Setakat ini, KWSP terdiri daripada 2.6 juta ahli dan 75,000 majikan berdaftar.



# 1980

## 1977

- Beberapa pindaan telah dibuat ke atas Ordinan KWSP untuk:
  - (a) Meningkatkan kadar caruman pekerja;
  - (b) Membenarkan golongan bekerja sendiri memilih untuk mencarum dengan KWSP; dan
  - (c) Membenarkan ahli mengeluarkan simpanan sehingga 10% daripada harga rumah untuk membeli rumah kos rendah.

## 1980

- Jumlah ahli meningkat kepada 3.7 juta dengan majikan berdaftar hampir mencecah 110,000. Caruman diterima untuk tahun ini melepasi tahap RM1 bilion. Kadar caruman untuk pekerja dinaikkan daripada 6% kepada 9% dan majikan daripada 7% kepada 11% mulai 1 Disember.

## MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP (1951-2021)

**1981**

- Bagi menyambut ulang tahun ke-30 KWSP, Menteri Kewangan meletakkan batu asas bangunan baru KWSP setinggi 28 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

**1982**

- Pada 22 Julai, Ordinan KWSP 1951 menjadi Akta KWSP 1951.

**1983**

- KWSP mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sebanyak 8.5% yang kekal sehingga tahun 1987.

**1990**

- Untuk pertama kalinya, KWSP melabur dalam bon korporat dan menambah bilangan pengurus portfolio.



1991

**1991**

- KWSP menyambut ulang tahun ke- 40. Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982) digantikan dengan Akta KWSP 1991.
- Meliberalisasi peraturan pelaburan dan menambah baik skim pengeluaran dan memperkukuh penguatkuasaan.

**1993**

- Buat pertama kalinya KWSP menerokai pembiayaan projek dan usahasama, selaras dengan inisiatif penswastan kerajaan.

**1995**

- Kursus Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini telah diperkenalkan, dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada KWSP dan organisasi keselamatan sosial yang lain.

**1996**

- Skim Pelaburan Ahli dilancarkan, membolehkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM55,000 dalam Akaun 1 untuk melabur dalam unit amanah melalui Institusi Pengurusan Dana yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti.



2000

**1997**

- Kerja pembinaan Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP di Bangi, Selangor dimulakan.

**1999**

- Jabatan Komputer KWSP berjaya memastikan semua sistem dalaman patuh Y2K.

**2000**

- KWSP memperkenalkan Skim Pengeluaran Pendidikan dan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen.

**2001**

- Ahli KWSP meningkat kepada 10 juta dan jumlah aset mencecah RM186 bilion. Pada bulan April, Tan Sri Azlan Zainol dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP.

**2003**

- KWSP menubuhkan Pusat Pengurusan Perhubungan dan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan KWSP (pusat sehati) di Pejabat KWSP Wilayah Persekutuan, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.
- Projek Rekaayasa Semula Proses Perniagaan atau dikenali sebagai SERVE (*Service Excellence*) untuk mereka bentuk dan memperkemaskan proses kerja utama KWSP serta sistem teknologi maklumat (IT) yang melibatkan penggantian sistem terasnya.

**2004**

- KWSP memperkenalkan sistem pengurusan *Balanced Scorecard* sebagai sebahagian daripada strategi untuk menjadikan KWSP sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia dan agensi kerajaan terbaik di Malaysia.
- e-Kiosk, yang membolehkan ahli memperoleh penyata kira-kira mereka menggunakan MyKad ditempatkan di 13 pejabat KWSP negeri dan 28 cawangan di seluruh negara.

**2007**

- KWSP memperkenalkan inisiatif 'Bukan Hanya Simpanan' yang menstruktur semula akaun ahli daripada tiga kepada dua; memperkenalkan Pengeluaran Fleksibel Umur 55 Tahun; dan membenarkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta untuk menguruskan sendiri simpanan mereka.



2010

**2008**

- Bermula 1 Februari, tanggungan untuk mencarum kepada KWSP dilanjutkan daripada umur 55 tahun hingga 75 tahun. KWSP juga meletakkan sasaran Simpanan Asas mengikut pelbagai peringkat umur untuk membolehkan ahli mengumpul simpanan minimum sebanyak RM120,000 menjelang usia 55 tahun.
- KWSP menubuhkan Kursi Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini di Universiti Malaya.
- KWSP juga membuka Pejabat Wilayah bagi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa untuk negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur bertujuan meningkatkan kerjasama bersama organisasi lain di negara ASEAN dalam bidang pembangunan keselamatan sosial.

**2009**

- KWSP memperkenalkan Polisi Anti-Fraud dan Pendedahan Maklumat.
- KWSP juga telah dianugerahkan Penarafan Lima Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

**2010**

- KWSP melancarkan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk golongan bekerja sendiri dan kemudian diperluaskan termasuk untuk suri rumah.
- KWSP juga memperkenalkan sistem elektronik Pilihan Pelaburan Ahli yang menggantikan sistem manual permohonan pengeluaran simpanan ahli KWSP untuk melabur dalam saham amanah.

**2011**

- KWSP memperluaskan senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 penyakit kepada 55 penyakit dan turut membenarkan ahli membeli peralatan bantuan kesihatan berkuat kuasa pada 15 Julai.

**2012**

- KWSP telah menerima Penarafan Lima Bintang sebagai agensi barisan hadapan terbaik buat kali kedua, yang dianugerahkan oleh MAMPU.

**2013**

- KWSP memperkenalkan e-Caruman, kemudahan secara dalam talian yang membolehkan majikan membayar caruman KWSP melalui i-Akaun di laman web KWSP ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)).
- e-Pengeluaran diperkenalkan bagi membolehkan ahli mengemukakan permohonan pengeluaran secara dalam talian menerusi i-Akaun.
- Datuk Shahril Ridza Ridzuan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP pada 16 April.

**2014**

- KWSP menyemak semula jumlah Simpanan Asas kepada RM196,800 sebagai amaun minimum ahli perlu ada dalam akaun KWSP mereka menjelang umur 55 tahun.
- KWSP memperkenalkan aplikasi mudah alih pertama yang dikenali sebagai 'i-Akaun'.
- KWSP turut memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan di cawangan Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan Jalan Gasing, Petaling Jaya.

**2015**

- KWSP mengumumkan hasil kaji selidik rundingan ahli yang telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah maklum balas sebanyak 96,448 responden. Sebanyak 65.7% responden merupakan ahli yang berumur 40 tahun dan ke bawah. Ini bermakna ahli yang berumur di bawah 40 tahun semakin berminat dalam merancang masa depan persaraan mereka.

**2016**

- KWSP memperkenalkan Simpanan Syariah yang merupakan satu inisiatif yang membolehkan ahli memilih untuk simpanan diuruskan dan dilaburkan mengikut prinsip syariah. Pendaftaran Simpanan Syariah dimulakan pada 8 Ogos.

**2017**

- KWSP mengumumkan pengklasifikasian data melibatkan bilangan ahli KWSP dan majikan bermula laporan operasi suku ketiga.

**2018**

- Buat pertama kalinya KWSP mengisytiharkan 6.40% untuk Simpanan Syariah 2017 dengan jumlah agihan dividen sebanyak RM3.98 bilion.
- Kebakaran bangunan ikonik KWSP Petaling Jaya. Tiada korban dilaporkan dan anggota dipindahkan ke cawangan dan pejabat lain.
- Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melancarkan Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) di Persidangan Keselamatan Sosial KWSP 2018.
- Pada bulan Ogos, Tunku Alizakri Alias dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP menggantikan Datuk Shahril Ridza Ridzuan yang dilantik sebagai Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad.



**2019**

**2019**

- Menteri Kewangan, Lim Guan Eng melancarkan Belanjawanku: Panduan Perbelanjaan Untuk Individu & Keluarga di Malaysia, hasil kolaborasi KWSP bersama Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial, Universiti Malaya.
- KWSP mengumumkan bahawa KWSP telah menandatangani Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PRI) pada bulan April. Ini menandakan komitmen KWSP terhadap pelaburan bertanggungjawab serta amalan terbaik Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG).
- KWSP terus menambah nilai kepada ahli dalam menuju ke arah masa depan digital dengan melancarkan i-Invest pada bulan September.
- KWSP menganjurkan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2019, bagi mencerminkan anjakan tumpuan kepada isu-isu ekonomi jangka panjang, alam sekitar dan masyarakat.

**2020**

- Kadar caruman berkanun bagi pekerja dikurangkan kepada 7% daripada 11% bermula bulan April hingga Disember 2020.
- KWSP telah menganjurkan Kaji Selidik Rundingan Awam KWSP 2020 bagi mengumpul maklumat untuk membangun, menambah baik dan merangka semula skim KWSP untuk memenuhi keperluan masa depan.
- Bagi membantu ahli, majikan dan perniagaan menghadapi kesan pandemik COVID-19, KWSP melancarkan kemudahan Pengeluaran i-Lestari, Khidmat Rundingan Majikan (EAS), dan Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) pada bulan April dan kemudahan Pengeluaran i-Sinar pada bulan Disember.
- Raja Permaisuri Agong telah menyempurnakan pelancaran pengeluaran kesihatan untuk rawatan kesuburan.

**2021**



**JAN 21**

**JANUARI**

**21/01/2021**

- KWSP menganjurkan *Sustainability Day* dan memulakan usaha membangunkan *Sustainable Investment Policy*.

## MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP (1951-2021)



FEB 26

## FEBRUARI

10/02/2021

- CEO Townhall

26/02/2021

- Taklimat Dividen KWSP 2020 kepada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
- Pelancaran Shariah Private Equity SMA Fund
- KWSP telah melancarkan dana Akaun Terurus Berasingan (SMA) Pelaburan Langsung/ Pelaburan Bersama Ekuiti Persendirian (PE) yang pertama dan terbesar di dunia.

27/02/2021

- Taklimat khas dan pengumuman dividen 2020



MAC 01

## MAC

01/03/2021

- Datuk Seri Amir Hamzah Azizan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) KWSP pada 1 Mac 2021.
- CEO Townhall



APR 30

## APRIL

03/04/2021

- Lawatan pertama KPE ke Menara KWSP, Kwasa Damansara

23/04/2021

- Pelancaran Bank Makanan KWSP

30/04/2021

- Majlis Iftar dan Tarawih KWSP 1442H
- MRCB menyerahkan Pusat Data KWSP yang baharu di Menara KWSP, Kwasa Damansara



JUN 10

## JUN

10/06/2021

- CEO Townhall - 100 Hari Pertama KPE

18/06/2021

- Pelancaran e-Payroll untuk membantu dan mempermudah urusan-urusan tanggungjawab berkanun majikan, termasuk caruman KWSP, secara digital.

28/06/2021

- Pelancaran i-Citra untuk membantu ahli KWSP yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



JUL 16

## JULAI

16/07/2021

- Pelancaran Projek Kongsi Rezeki yang melibatkan kutipan dana daripada kakitangan KWSP bagi menyediakan bank makanan dan membantu mangsa banjir



AGO 31

## OGOS

31/08/2021

- Sambutan Hari Kebangsaan ke-64



SEP 14

SEPTEMBER

07/09/2021

- Majlis tandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Grab Malaysia bagi menggalakkan rakan pemandu dan penghantar menabung untuk simpanan persaraan melalui program i-Saraan

14/09/2021

- Sejenak Bersama Tan Sri Ahmad Badri sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021

24/09/2021

- Pelancaran inisiatif untuk membantu majikan yang terkesal dengan pandemik COVID-19
- Bagi membantu meringankan beban kewangan para majikan, KWSP telah memperkenalkan dua inisiatif:
  - (a) Pengecualian caj lewat bayar caruman; dan
  - (b) Pengurangan menyelesaikan baki caj lewat bayar yang tertunggak melalui Tawaran Insentif Pengurangan Caj Lewat Bayar (e-PaR).



OKT 15

OKTOBER

01/10/2021

- Sambutan Ulang Tahun KWSP yang ke-70

15/10/2021

- e-Payroll memenangi WorldPensionSummit 2021 Innovation Award

28/10/2021

- Kunjungan Hormat KPE ke atas Ketua Menteri Melaka

25-29/10/2021

- Minggu Literasi Kewangan 2021

NOVEMBER

16/11/2021

- Kunjungan Hormat KPE ke atas Ketua Menteri Pulau Pinang



NOV 16

23-24/11/2021

- KWSP telah menganjurkan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2021 yang kesembilan, bertemakan 'The New Narrative: Turning the Tide on Inequality'.



NOV 29

29/11/2021

- Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Operasi (KPO) ke atas Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

30/11/2021

- Kunjungan Hormat KPE dan KPO ke Pejabat Ketua Menteri Sabah

DISEMBER

7-8/12/2021

- EPF Knowledge Fair 2021

16-19/12/2021

- Persidangan Pengurusan KWSP 2021

22-23/12/2021

- EPF Squad dan Pasukan Persatuan Kakitangan Islam (PKI) membantu mangsa banjir sekitar Lembah Klang

28-30/12/2021

- Sumbangan banjir kepada MRCS dan IMARET



DIS 22-23

# STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

## HARTANAH

<b>100.00%</b>	Kwasa Properties Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Kwasa Land Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Naungan Sentosa Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Kwasa Logistics Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Common Icon Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Tanjung Wibawa Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Symphony Insight Sdn Bhd *
<b>100.00%</b>	Yarra Development Holdings (Australia) Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Alpha Real Estate Investment Trust
<b>100.00%</b>	Kwasa Utama Sdn Bhd
<b>85.00%</b>	PPNK - Harta Sdn Bhd
<b>80.00%</b>	YTR Harta Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Affordable Homes Sdn Bhd *
<b>40.00%</b>	Nusa Gapurna Development Sdn Bhd
<b>34.00%</b>	Bandar Eco-Setia Sdn Bhd
<b>30.00%</b>	Jelas Puri Sdn Bhd
<b>30.00%</b>	Panca Pesona Sdn Bhd
<b>29.27%</b>	Iskandar Capital Sdn Bhd
<b>20.00%</b>	Iskandar Investment Berhad

## INFRASTRUKTUR/PENGELUARAN

<b>100.00%</b>	Pinggiran Ventures Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Ekuiti Merdu Sdn Bhd *
<b>49.00%</b>	PLUS Malaysia Berhad
<b>40.00%</b>	Konsortium Lebuh raya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd
-	Kwasa Suria Sdn Bhd *
-	Melati Infrastruktur Sdn Bhd *

## INSTITUSI KEWANGAN

<b>65.87%</b>	Malaysia Building Society Berhad
<b>98.33%</b>	Rashid Hussain Berhad *
<b>42.52%</b>	RHB Bank Berhad
<b>20.00%</b>	FWD Takaful Berhad

## PEMBINAAN

<b>36.21%</b>	Malaysian Resources Corporation Berhad
---------------	--

## GLOBAL

<b>100.00%</b>	KWASA Global (Jersey) Limited
<b>100.00%</b>	KWASA Global-I (Jersey) Limited
<b>100.00%</b>	KWASA Invest Limited
<b>100.00%</b>	Kwasa Singapore Solo Pte. Ltd.
<b>100.00%</b>	Kwasa Singapore Duo Pte. Ltd.
<b>100.00%</b>	Kwasa Singapore Trio Pte. Ltd.
<b>100.00%</b>	KWASA Europe S.à r.l
<b>100.00%</b>	KWASA Europe-I S.à r.l
<b>100.00%</b>	Kwasa Infrastructure I
<b>100.00%</b>	Kwasa Capital Limited
<b>100.00%</b>	KWASA Capital Partners Limited
<b>100.00%</b>	Kwasa Asia
<b>100.00%</b>	KWASA US
<b>100.00%</b>	Kwasa Infrastructure Alpha
<b>100.00%</b>	Kwasa Infrastructure Beta
<b>100.00%</b>	Kwasa Emerald
<b>100.00%</b>	KWASA Korea Limited
<b>100.00%</b>	ADF Kwasa Korea Professional Investment Private Real Estate Investment LLC
<b>100.00%</b>	Kwasa Infrastructure Sapphire
<b>99.50%</b>	Cengal Private Equity Investments plc
<b>99.47%</b>	Cengal Private Equity Investments II plc
<b>99.53%</b>	Cengal Private Equity Investments III plc
<b>99.44%</b>	Cengal Private Equity Investments IV plc ^
<b>99.50%</b>	Merbau Investors Offshore, L.P.
<b>99.18%</b>	Merbau Investors Offshore, II L.P.
<b>99.01%</b>	Merbau Investors Offshore, III L.P.
<b>99.25%</b>	Meranti Fund L.P.
<b>99.25%</b>	Meranti Fund II L.P.
<b>99.25%</b>	Meranti Fund III L.P. ^
<b>99.00%</b>	Jati Private Equity Fund L.P.
<b>99.00%</b>	Jati Private Equity Fund II L.P.
<b>99.00%</b>	Jati Private Equity Fund III L.P.
<b>99.25%</b>	Nour Fund I, L.P. ^
<b>100.00%</b>	Salam Private Opportunities Feeder Fund, L.P. ^
<b>99.01%</b>	Ameen Direct Equity I, L.P.^
<b>99.01%</b>	Akasia I, L.P. ^
<b>100.00%</b>	Cendana I, L.P. ^
<b>99.01%</b>	Qamar Direct Infrastructure I, L.P. ^
<b>99.01%</b>	Equitix Najm L.P. ^
<b>99.01%</b>	GIP Ashshams, L.P. ^

### Nota:

1. ^ Syarikat yang baru ditubuhkan pada tahun 2021.
2. \* Syarikat ini telah dibubarkan pada 16 Mac 2021.
3. \* Syarikat ini di dalam proses penggulangan setakat 31 Disember 2021.
4. Rujuk Nota 38 dan 39 kepada Penyata Kewangan KWSP 2021 untuk mendapatkan senarai lengkap syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama KWSP.

# LOKASI OPERASI KWSP

## 67 CAWANGAN DI SELURUH MALAYSIA

### WILAYAH UTARA

- PERLIS : 1 CAWANGAN
- KEDAH : 4 CAWANGAN
- PULAU PINANG : 3 CAWANGAN
- PERAK : 6 CAWANGAN

### WILAYAH TIMUR

- KELANTAN : 3 CAWANGAN
- TERENGGANU : 4 CAWANGAN
- PAHANG : 5 CAWANGAN

### WILAYAH SABAH

- SABAH : 9 CAWANGAN

### WILAYAH TENGAH

- SELANGOR : 8 CAWANGAN
- WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR : 4 CAWANGAN

### WILAYAH SELATAN

- NEGERI SEMBILAN : 3 CAWANGAN
- MELAKA : 3 CAWANGAN
- JOHOR : 7 CAWANGAN

### WILAYAH SARAWAK

- SARAWAK : 7 CAWANGAN

Negeri	Cawangan	Alamat	Nombor Telefon
<b>WILAYAH UTARA</b>			
<b>KEDAH</b>	Alor Setar	Aras Bawah, Mezzanine, 8 & 9 Bangunan KWSP Peladang No. 33, Jalan Sultan Badlishah 05000 Alor Setar Kedah	04-7332506
	Kulim	No. 33 & 34, Persiaran 7 Kulim Avenue Kulim Hi -Tech Park 09000 Kulim Kedah	04-4034600
	Langkawi	No. 25 (GF-1) Langkawi City Mukim Kuah 07000 Langkawi Kedah	04-9671405
	Sungai Petani	Tingkat Bawah & 1, Wisma Keladi No. 11A, Jalan Bank 08000 Sungai Petani Kedah	04-4225800
<b>PERLIS</b>	Kangar	Tingkat Bawah, Blok Podium Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi 01000 Kangar Perlis	04-9761190
<b>PERAK</b>	Ipoh	Tingkat Bawah, 6, 7 & 8 Bangunan KWSP Jalan Greentown 30450 Ipoh Perak	05-2420000
	Kuala Kangsar	Tingkat Bawah & 1 No. 8B, Jalan Raja Chulan 33000 Kuala Kangsar Perak	05-7767484

Negeri	Cawangan	Alamat	Nombor Telefon
<b>WILAYAH UTARA</b>			
<b>PERAK</b>	Manjung	No. 260 & 261, Jalan PPMP 3/4 Pusat Perniagaan Manjung Point 3 32040 Seri Manjung Perak	05-6883800
	Parit Buntar	No. 2 & 4, Jalan Wawasan 1 Taman Wawasan Jaya 34200 Parit Buntar Perak.	05-7162428
	Taiping	No. 37 (GF-2) & No. 39 (GF) Persiaran TBC, Taiping Business Centre Jalan Tupai 34000 Taiping Perak	05-8085889
	Teluk Intan	No 23, Lorong Perwira M1/38 Taman Nanas, Jalan Changkat Jong 36000 Teluk Intan Perak.	05-6215600
<b>PULAU PINANG</b>	Bayan Baru	Tingkat Bawah & Tingkat 1 Blok F-2, Lorong Bayan Indah 1 Bay Avenue 11900 Bayan Baru Pulau Pinang	04-6442841
	Georgetown	Tingkat 3 & 4, Menara KWSP No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah 10050 Georgetown Pulau Pinang	04-2261000
	Seberang Jaya	Tingkat 1-5, Bangunan KWSP No. 3009, Off Lebuh Tenggiri 2 Bandar Seberang Jaya 13700 Prai Pulau Pinang	04-3992000

## LOKASI OPERASI KWSP

Negeri	Cawangan	Alamat	Nombor Telefon
<b>WILAYAH TENGAH</b>			
<b>SELANGOR</b>	Gombak	Lot 5, Sunway Batu Caves 68100 Batu Caves Selangor	03-61850780
	Kuala Selangor	Tingkat GF & 1 No. 1, Jalan Medan Niaga 6 Medan Niaga 45000 Kuala Selangor Selangor	03-32896504
	Kajang	No. 1, Jalan Hentian 3 Pusat Hentian Kajang, Jalan Reko 43000 Kajang Selangor	03-87375223
	Klang	Tingkat Bawah & 1 Unit B-G-1, North Tower (Tower B) BBT One The Towers Lebuh Batu Nilam 1 Bandar Bukit Tinggi 41200 Klang Selangor	03-33251626
	Petaling Jaya (PJX)	EPF Petaling Jaya Services Counter PJX-HM Shah Tower Lot A, Ground Level, PJX-HM Shah Tower No. 16A, Persiaran Barat 46050 Petaling Jaya Selangor	03-79322913
	Puchong	No.3A The Prime @ Dataran Puchong Taman Puchong Utama 47100 Puchong Selangor	03-80667338
	Rawang	No. 3S-10-G & 3S-10-1 Rawang One Jalan Pintas Rawang 48000 Rawang Selangor	03-60910286
	Shah Alam	Tingkat G, 1 & 2 Corporate Tower IDCC Shah Alam Jalan Pahat L 15/L 40200 Shah Alam Selangor	03-55451577
	<b>WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR</b>	Kepong	No. 1 & 3 Jalan Laman Rimbunan Raya 1 Laman Rimbunan 52100 Kepong Kuala Lumpur
Kuala Lumpur		Tingkat Bawah, Bangunan KWSP Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur	03-26946566
Seri Petaling		No. 2, Jalan Radin Bagus 6 Bandar Baru Seri Petaling 57000 Kuala Lumpur	03-90545249
Wangsa Maju		No. 32A, Dataran Wangsa Wangsa Melawati 53300 Kuala Lumpur	03-41499499

Negeri	Cawangan	Alamat	Nombor Telefon
<b>WILAYAH SELATAN</b>			
<b>JOHOR</b>	Batu Pahat	No. 6 & 8 Jalan Sulaiman 83000 Batu Pahat Johor	07-4325436
	Johor Bahru	Tingkat 1 & 12-17, Bangunan KWSP Jalan Dato' Dalam 80000 Johor Bahru Johor	07-2225234
	Kluang	No. 8 & 10, Tingkat Bawah, 1 & 2 Jalan Haji Manan 86000 Kluang Johor	07-7724276
	Kulai	No. 259 & 260 Jalan Kenanga 29/8 Indahpura, 81000 Kulai Johor	07-6625919
	Mersing	Lot. No. 2 Tingkat Bawah, 1 & 2 Bandar Tepian Sungai Jalan Jemaluang 86800 Mersing Johor	07-7982633
	Muar	Tingkat Bawah, 1, 2 & 3 No. 9, Jalan Petrie 84000 Muar Johor	06-9539288
	Segamat	No. 5 & 6 Jalan Genuang Perdana Taman Genuang Perdana 85000 Segamat Johor	07-9437166
	<b>MELAKA</b>	Alor Gajah	8670-Lot 10 Kompleks Perniagaan Alor Gajah Jalan Besar 78000 Alor Gajah Melaka
Jasin		JC 538, Tingkat Bawah & 1 Jalan Bestari 5 Bandar Jasin Bestari Seksyen 2 77200 Bemban Melaka	06-5216080
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	Melaka	Bangunan KWSP Jalan MITC, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh Melaka	06-2853200
	Bahau	No. 4, 5 & 6, Jalan Kiara 1 Pusat Perniagaan Kiara 72100 Bahau Negeri Sembilan	06-4542846
	Nilai	D'Nilai Convention Mall No. G-6 & M-6, PT 9946 Jalan BBN 1/3F 71800 Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan	06-7953323
	Seremban	No. 1, Jalan Dato' A.S. Dawood 70100 Seremban Negeri Sembilan	06-7663500

## LOKASI OPERASI KWSP

Negeri	Cawangan	Alamat	Nombor Telefon
<b>WILAYAH TIMUR</b>			
<b>KELANTAN</b>	Kota Bharu	Tingkat 2, 3 & 5, Bangunan KWSP Jalan Padang Garong 15000 Kota Bharu Kelantan	09-7445191
	Kuala Krai	Lot PT 5556, Tingkat Bawah & 1 Taman Yani 18000 Kuala Krai Kelantan	09-9606629
	Tanah Merah	Lot 655 Jalan Hospital 17500 Tanah Merah Kelantan	09-9554200
<b>PAHANG</b>	Jerantut	Tingkat Bawah, No. 1 & 2 Lorong Wawasan 3, Taman Wawasan 27000 Jerantut Pahang	09-2667105
	Kuantan	Pejabat KWSP Kuantan Bangunan KWSP Kuantan Persiaran KWSP Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan Pahang	09-5739666
	Pekan	Tingkat Bawah & Tingkat 1 No. 10, Lorong Peramu Permai 1 Taman Peramu Permai 26600 Pekan Pahang	09-4264404
	Raub	No. 79, Jalan Tun Razak 27600 Raub Pahang	09-3551188
	Temerloh	No. 128B(GF, 1F & 2F) & No. 128A(GF) Persiaran Damai 1, Damai Court 28000 Temerloh Pahang	09-2962948
	<b>TERENGGANU</b>	Dungun	Tingkat GF & 1 Lot PT 15824 (Unit 22) Sura Gate Commercial Centre Jalan Sura Jeti 23000 Dungun Terengganu
	Jerteh	Tingkat GF & 1 Lot 226, Jalan Dato Kamaruddin 22000 Jerteh Terengganu	09-6903778
	Kemaman	Tingkat Bawah & Tingkat 1 PT 10720 & 10721 Taman Cukai Utama, Fasa 4 Jalan Kubang Kurus 24000 Kemaman Terengganu	09-8592132
	Kuala Terengganu	Bangunan KWSP Jalan Kemajuan Padang Hiliran 21100 Kuala Terengganu Terengganu	09-6225866
<b>WILAYAH SABAH</b>			
<b>SABAH</b>	Beaufort	Tingkat GF & FF Unit No. A-005, Blok A Beaufort Square Avenue 2 Jalan Binunuk 89800 Beaufort Sabah	087-225985
	Keningau	Beg Berkunci 20, Jalan Masak 89009 Keningau Sabah	087-337820


Negeri	Cawangan	Alamat	Nombor Telefon	
<b>WILAYAH SABAH</b>				
<b>SABAH</b>	Kota Kinabalu	Blok A, Bangunan KWSP Beg Berkunci 2019 88598 Kota Kinabalu Sabah	088-520100	
	Kota Marudu	Lot No. 2 Taman WTK Fasa II Jalan Tandek 89100 Kota Marudu Sabah	088-662842	
	Kudat	Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lot 1, Blok G Jalan Mawar, Pekan Tomborungus 89058 Kudat Sabah	088-622819	
	Lahad Datu	Bangunan KWSP, MDLD 3330 Lot 65, Fajar Centre Jalan Segama, Peti Surat 61828 91126 Lahad Datu Sabah	089-880801	
	Sandakan	Lot 3A & 5, Midtown Plaza Beg Berkunci 36, Jalan Lintas Utara 90000 Sandakan Sabah	089-210681	
	Tawau	Tingkat Bawah & 1 TB 308, Blok 35 Kompleks Fajar, Jalan Perbandaran 91000 Tawau Sabah	089-779740	
	Labuan	Tingkat Bawah, Lot E004 Financial Park, Jalan Merdeka 87000 Wilayah Persekutuan Labuan	087-424963	
	<b>WILAYAH SARAWAK</b>			
	<b>SARAWAK</b>	Bintulu	Blok E, Sublot 7 Naim Bintulu Paragon No. 1, Old Airport Place 97000 Bintulu Sarawak	086-312909
		Kuching	Bangunan KWSP, Jalan Uplands Beg Berkunci 2089 93598 Kuching Sarawak	082-240331
Limbang		Lot 1565 Tingkat Bawah & Tingkat 1 Jalan Buangsiol 98700 Limbang Sarawak	085-213051	
Miri		1255 & 1256 Blok 10, MCLD Centre Point Jalan Melayu 98000 Miri Sarawak	085-418418	
Sarikei		Tingkat GF & 1 No. 5, Jalan Nenas 96100 Sarikei Sarawak	084-655499	
Sibu		No. 10-12, Tingkat Bawah & 1 Lorong Kampung Datu 5 Jalan Kampung Datu 96000 Sibu Sarawak	084-310611	
Sri Aman		Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lot 654, Blok 3 Daerah Bandar Simanggang Jalan Hospital 95000 Sri Aman Sarawak	083-327357	

# BAGAIMANA KWSP MENCIPTA NILAI

Kejayaan sesebuah organisasi boleh diukur secara langsung dengan nilai yang dicipta bagi pihak berkeperitingannya. KWSP berusaha untuk memenuhi visinya dalam membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik dengan menjana dan menyampaikan nilai dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. Sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial, KWSP meletakkan kepentingan utama dalam membantu ahli mencapai persaraan yang bermaruah. KWSP berpegang teguh kepada mandatnya sebagai dana persaraan utama Malaysia untuk memenuhi keperluan pendapatan pada masa hadapan dan kesejahteraan ahlinya, di samping memberikan nilai kepada ahli, majikan, syarikat penerima pelaburan dan pihak berkeperitingan lain yang berkaitan.

KWSP mencipta nilai melalui pelaksanaan strategi, seperti Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun 2021-2023 (3YRP), yang diluluskan oleh Lembaga pada akhir setiap tahun. Pengurusan Kanan juga mengenal pasti inisiatif strategik untuk dilaksanakan oleh bahagian dan jabatan untuk memberikan nilai optimum kepada pihak berkeperitingan KWSP.

KWSP telah mengubah strateginya daripada strategi yang tertumpu kepada perspektif kewangan ke arah strategi yang berdasarkan kepelbagaian modal. Ini didorong oleh pemahaman bahawa elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus juga boleh mempengaruhi prestasi kewangan. Pendekatan berbilang modal, yang disokong oleh perkara yang diberi perhatian oleh pihak berkeperitingan dan perkara kelestarian yang material, memberi KWSP perspektif yang menyeluruh tentang persekitaran operasi dan faktor-faktor yang boleh menjejaskan prestasi KWSP dalam jangka pendek, sederhana dan panjang.



Melaluinya juga, KWSP dapat membangunkan strategi yang juga dapat menangani risiko selain kewangan, menyokong penggunaan modal yang cekap dan meningkatkan prestasi merangkumi alam sekitar dan sosial.

## ENAM MODAL PENCIPTAAN NILAI KWSP

Enam jenis modal ini mewakili teras penciptaan nilai yang digunakan KWSP untuk menjana nilai bagi organisasi dan pihak berkeperitingan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. Modal-modal ini merupakan input yang diubah melalui aktiviti perniagaan untuk menjana output dan hasil. Ketersediaan dan kualiti modal ini boleh mempengaruhi daya maju jangka panjang model perniagaan KWSP dan keupayaan untuk menyampaikan nilai.



### Modal Kewangan

Dana terkumpul yang diamanahkan ahli kepada KWSP dalam melaksanakan misinya untuk melindungi simpanan persaraan ahli.



### Modal Insan

Kecekapan, keupayaan dan pengalaman kakitangan KWSP yang membolehkan mereka untuk berinovasi bagi memenuhi visi dan misi organisasi.




### Modal Pembuatan

Objek fizikal perkilangan, seperti bangunan, kios, peralatan dan infrastruktur, yang tersedia kepada KWSP untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada ahli.



### Modal Sosial dan Hubungan

Jalinan hubungan, perkongsian dan rangkaian KWSP bersama dengan ahli dan pihak berkeperitingan lain.

 Maklumat lanjut mengenai pihak berkeperitingan utama KWSP boleh didapati di halaman 33 Laporan Tahunan Bersepadu ini.



### Modal Intelektual

Modal tidak ketara organisasi yang berasaskan pengetahuan termasuk harta intelek seperti paten, hak cipta, perisian, hak dan lesen yang digunakan untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan kepada ahli dan pihak berkeperitingan lain.



### Modal Semula Jadi

Semua sumber alam sekitar boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui yang memudahkan penyediaan produk dan perkhidmatan KWSP.

# MODEL PENCIPTAAN NILAI KWSP

## TADBIR URUS

Berpandukan **Visi**, KWSP Membantu Ahli Mencapai Masa Depan Yang Lebih Baik, Didorong Oleh **Misi**, KWSP Melindungi Simpanan Ahli Dan Menyediakan Perkhidmatan Terbaik

### INPUT

### AKTIVITI PERNIAGAAN DAN PROSES

PERKARA MATERIAL



#### Modal Kewangan

- **RM72.89 bilion** jumlah caruman ahli
- Pulangan dan pendapatan pelaburan



#### Modal Insan

- **5,801** kakitangan
- **934** pelatih dan protégé
- **RM1.16 bilion** jumlah perbelanjaan kakitangan
- **RM6.05 juta** dilaburkan dalam pembelajaran dan pembangunan kakitangan
- **348** program pembelajaran dijalankan
- Manfaat yang kompetitif



#### Modal Pembuatan

- **67** pejabat dan cawangan di Malaysia
- **5,429** kios pintar dan terminal
- Pusat Pengurusan Perhubungan (CMC)



#### Modal Sosial dan Hubungan

- **15.22 juta** ahli
- **7.69 juta** ahli aktif
- **550,825** majikan
- Tatakelakuan Pembekal (SCOC)



#### Modal Intellektual

- Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun KWSP
- Saluran bantuan (termasuk kios, *LiveChat*)
- Aplikasi mudah alih
- Saluran maya (termasuk ELYA)
- Pelan Digitasi KWSP 2025
- Polisi dalaman dan prosedur



#### Modal Semula Jadi

- Penandatanganan UN PRI
- Penilaian kelestarian bagi setiap cadangan pelaburan baharu
- Inisiatif pendigitalan bagi mengurangkan kesan ke atas alam sekitar
- Aktiviti operasi yang optimum untuk mengurangkan impak ke atas alam sekitar

#### FAKTOR LUAR YANG MEMBERI KESAN KEPADA KWSP

Populasi Menua

Pendigitalan

Kelestarian dan Perubahan Iklim

Slowbalisation

Transformasi Tempat Kerja



Disokong **Nilai Bersama KWSP**: Integriti, Utamakan Pelanggan, Penambahbaikan Berterusan dan Semangat Kerja Berpasukan

## OUTPUT

- **RM68.89 bilion** jumlah pendapatan pelaburan kasar
- **RM1.01 trilion** jumlah aset
- **RM0.22** kos setiap aset di bawah pengurusan (setiap RM100)
- **2.44%** jumlah perbelanjaan ke atas jumlah pendapatan
- **RM131.09 bilion** pengeluaran dan pengembalian
- **6.50%** pulangan atas pelaburan

- **176** lantikan baru
- **57%** perwakilan wanita di peringkat Pengurusan Kanan
- **58%** kakitangan wanita
- **87** pegawai Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) yang terlatih dan mempunyai kelayakan dalam bidang perancangan kewangan dan persaraan
- **603,289** jam latihan direkodkan

- **1.52 juta** interaksi pelanggan melalui kaunter
- **4.94 juta** interaksi pelanggan melalui penggunaan kios pintar
- **2.60 juta** jumlah panggilan telefon yang diterima oleh CMC

- **1.2:1** nisbah ahli lelaki:perempuan
- **2,371,406** ahli mencapai simpanan asas
- **207,270** ahli menerima nasihat kewangan daripada pegawai RAS
- **93%** indeks kepuasan pelanggan
- Kerjasama dengan rakan kongsi (termasuk Grab, SOCSO)
- **3,333** pembekal baru disaring berdasarkan kriteria yang digariskan oleh SCOC

- Dana simpanan persaraan **ke-12** terbesar di dunia
- **212,922,798** transaksi i-Akaun
- **9,806,772** ahli berdaftar dengan i-Akaun
- **548,127** majikan berdaftar dengan i-Akaun
- **480,282** majikan menggunakan e-Bayaran
- **485,394** majikan menggunakan e-Borang

- **>150** penilaian kelestarian ke atas cadangan pelaburan telah dilaksanakan
- **82%** pendedahan ekuiti domestik dalaman di bawah FTSE4Good Bursa Malaysia
- **48.82%** pendedahan ekuiti yang diuruskan oleh Pengurus Dana Luar di bawah Indeks Penanda Aras ESG

## HASIL



## Ahli

- **RM50.45 bilion** agihan dividen bagi Simpanan Konvensional
- **RM6.27 bilion** agihan dividen bagi Simpanan Syariah
- Kadar dividen: **6.10%** (Simpanan Konvensional) dan **5.65%** (Simpanan Syariah)
- **RM44.68 bilion** pengeluaran selain i-Lestari, i-Citra dan i-Sinar
- **RM6.26 bilion** pengeluaran i-Lestari
- **RM21.29 bilion** pengeluaran i-Citra
- **RM58.69 bilion** pengeluaran i-Sinar
- **RM515.18 juta** pengeluaran pendidikan
- **RM3.71 bilion** pengeluaran perumahan
- **RM101.87 juta** pengeluaran kesihatan



## Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah

- **15** mesyuarat Lembaga pada tahun 2021
- **22** mesyuarat Panel Pelaburan pada tahun 2021
- **13** mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Syariah pada tahun 2021



## Kerajaan dan Badan Kawal Selia

- **47.2%** tenaga kerja Malaysia dilindungi oleh KWSP (ahli aktif)
- Menyokong pembangunan negara melalui pengambilan tenaga kerja tempatan
- Menyokong usaha kerajaan bagi meningkatkan perlindungan sosial dan melindungi keselamatan persaraan untuk rakyat Malaysia



## Majikan

- Pengalaman i-Akaun (Majikan) yang dipertingkatkan melalui platform dengan akses yang lebih baik dan pengalaman pengguna yang lancar
- Khidmat Nasihat Majikan bertujuan membantu majikan mengurus dan melaksanakan tanggungjawab mereka secara strategik



## Kakitangan KWSP

- **18 tahun** purata tahun perkhidmatan
- Peluang untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan dengan **104 purata latihan bagi setiap pekerja**
- Penyediaan persekitaran kerja yang kondusif
- **91%** indeks kepuasan pekerja



## Syarikat Penerima Pelaburan

- Menghadiri dan mengundi di **92 mesyuarat agung tahunan** dan **20 mesyuarat agung luar biasa** syarikat penerima pelaburan



## Rakan Niaga

- **Tiada insiden ketidakpatuhan** kriteria alam sekitar dan sosial KWSP dalam rantai perolehan
- **RM214.22 juta (94%)** bajet perolehan untuk pembekal tempatan



## Komuniti Tempatan

- Literasi kewangan dipertingkatkan (termasuk pembangunan modul latihan perlindungan sosial dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO dan pelancaran Belanjawanku 2021)
- Perlindungan sosial dipertingkatkan (termasuk penganjuran Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2021 dan sumbangan kepada 1MillionDevices)
- Perluasan liputan perkhidmatan dan produk KWSP (termasuk kolaborasi bersama Grab Malaysia untuk menggalakkan perancangan persaraan)